

## Representatif Leksikal Ukuran sebagai Metafora Linguistik berdasarkan Teks Klasik Melayu

Muhamad Fadzllah Zaini <sup>a</sup>

[muhamadfadzllahjzaini@gmail.com](mailto:muhamadfadzllahjzaini@gmail.com)

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Anida Sarudin <sup>b</sup>

[anida@fbk.upsi.edu.my](mailto:anida@fbk.upsi.edu.my)

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Mazura Mastura Muhammad

[mazura@fbk.upsi.edu.my](mailto:mazura@fbk.upsi.edu.my)

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Siti Saniah Abu Bakar

[saniah@fbk.upsi.edu.my](mailto:saniah@fbk.upsi.edu.my)

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

### ABSTRAK

Metafora Linguistik atau Ekspresi Metafora atau Leksikal Metafora (*Metaphorically Used Word* (MUW)) merupakan bentuk perbincangan yang dikemukakan oleh Semino (2008) bagi meneliti secara eksplisit dan sistematik metafora dalam sesebuah wacana. Artikel ini bertujuan meneliti tiga (3) aspek penyelidikan metafora berdasarkan perspektif linguistik korpus, iaitu: (1) mengenal pasti lesikogrammatikal metafora leksikal *ukuran*, yang merujuk kepada pola kolokasi metafora linguistik; (2) kebarangkalian metafora leksikal *ukuran*, merupakan pengujian memungkinkan leksikal sebagai leksikal metafora (MUW); dan (3) Dimensi Variasi Metafora leksikal *ukuran* berdasarkan pemboleh ubah metafora topik dan sarana. Kajian ini menggunakan Korpus Petua Membina Rumah (KPMR). Korpus ini terdiri daripada MSS741, MSS1521, MSS1849, MSS1415, MSS2001, fasal Kitab Abu Masyar dan fasal Tajul Muluk. Korpus Petua Membina Rumah (KPMR) merupakan korpus khusus. Artikel ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan pendekatan statistik linguistik korpus berdasarkan perisian #LancsBox 4.5. Signifikan leksikal *ukuran* kerana leksikal ini merupakan 10 leksikal teratas dalam kata kandungan (kata nama). Leksikal *ukuran* ini memperoleh 54 kali kekerapan mentah dan 36.865101 kali kekerapan relatif. Dalam janaan *Keyword In Context* (KWIC) terdapat 24 leksikal yang berkolokasi bersama node *ukuran*. Dapatan pertama, lesikogrammatikal metafora menunjukkan rangsangan leksikal berkolokasi dengan node *ukuran* terdiri daripada leksikal *tiang* dan *bendul* (struktur rumah). Leksikal kolokasi ini merupakan pola leksikal metafora yang berlaku dan dikodkan sebagai bukan literal (metafora). Keduaanya, dapatan kebarangkalian metafora menjelaskan leksikal metafora (MUW) berkemungkinan berlaku menerusi hubungan ko-kejadian node *ukuran* dan leksikal kolokasi. Ketiganya, Dimensi Variasi Metafora mengambil kira Leksikal Metafora (MUW) melibatkan

---

<sup>a</sup> Pengarang utama

<sup>b</sup> Pengarang koresponden

metafora topik dan sarana seperti manusia, abstrak, pergerakan/kedudukan, objek/bangunan dan lain-lain. Ketiga-tiga dapatan ini menunjukkan leksikal *ukuran* digunakan sebagai metafora (MUW) berdasarkan KPMR. Justeru, penerokaan data kekerapan ini merupakan paradigma dalam kajian metafora bahasa Melayu berpandukan linguistik korpus.

**Kata kunci:** Kolokasi; Metafora Linguistik; Teks Klasik; Rumah; Pengenalpastian Ekspresi Metafora

## Representatives of Lexical Ukuran as Linguistics Metaphors Based on Malay Classic Text

### ABSTRACT

Linguistic Metaphors or Metaphorical Expressions or Metaphorically Used Words (MUW) is a form of debate proposed by Semino (2008) to explicitly and systematically examine a discourse. The article aims to examine three (3) different aspects of research on metaphors from the perspective of corpus linguistics, namely: (1) to identify the lexicogrammatical metaphors of the lexical *ukuran*, which refers to the linguistic metaphorical collocation patterns; (2) the probability of the lexical metaphor *ukuran* as an examination for possible lexicons of MUWs; and (3) dimensions of metaphor variations of the lexical *ukuran* based on the variables of topic and vehicle. This research developed a specialised corpus of the Korpus Petua Membina Rumah (KPMR) (Household Building Tips) based even (7) manuscripts from which were MSS741, MSS1521, MSS1849, MSS1415, MSS2001, the Book of Abu Masyar and the Clause of Tajul Muluk. This research utilised a quantitative study design and corpus statistics analysis based on the LancsBox 4.5 software. The lexical *ukuran* was chosen since it is amongst the top 10 lexicons in the list of content words (nouns). The lexical *ukuran* occurred 54 times in raw frequency and 36.865101 times in relative frequency. Based on the KWIC generation, there were 24 lexicons that collocated with the node *ukuran*. The findings showed that the lexicogrammatical metaphor representation of the node *ukuran* collocated with the lexicon 'tiang' (pillar) and 'bendul' (sill). This lexical collocation provides the lexical metaphorical pattern that occurred and was coded as non-literal (metaphors). Second, the results of metaphorical probability exhibited how the MUW may occur based on the relationship of the co-occurrence of the node *ukuran* with the lexical collocation. Third, the dimensions of metaphor variations took into account the MUW related the topic and vehicle metaphors such as humans, abstracts, actions/locations, objects/buildings, and others. These findings proved that the lexical of *ukuran* was used as metaphors throughout the KPMR corpora. Thus, the exploration of corpus linguistics frequency data presents a research paradigm in the study of Malay language metaphors based on corpus linguistics.

**Keywords:** Collocation; Linguistics Metaphor; Classic Text; House; Identification of Metaphorical Expressions

### PENDAHULUAN

Istilah asas metafora yang telah dibahaskan oleh Aristotle menerusi karya *Poetica* bahawa metafora terbentuk apabila sesuatu benda (makna) yang dimiliki oleh benda lain; permindahan (makna) ini berlaku sama ada peringkat genus kepada jenisnya, atau daripada jenis kepada genusnya, atau daripada jenis kepada jenis; atau berdasarkan analogi. Oleh itu, terdapat tiga ciri dalam definisi ini; (1) metafora berlaku pada peringkat perkataan, tidak pada peringkat ayat; (2) metafora sebagai penyelewengan atau disebut '*deviant*' daripada bahasa harfiah; dan (3) metafora dibentuk berdasarkan ciri-ciri persamaan antara dua benda (Hassan, 2016).

Berdasarkan ciri definisi (1), kebanyakan sarjana metafora menjadikan subjek utama perbincangan metafora melalui perkataan (selepas ini disebut leksikal). Leksikal ini menjadi teras kepada pembentukan metafora. Metafora Linguistik atau Ekspresi Metafora atau Leksikal Metafora (*Metaphorically Used Word* (MUW)) merupakan bentuk perbincangan yang dikemukakan oleh Semino (2008). Definisi leksikal metafora atau *Metaphorically Used Word* (MUW) ialah leksikal yang digunakan untuk membentuk metafora. MUW ini digunakan dalam Pengenalpastian Ekspresi Metafora (*Identification of Metaphorical Expressions*) (Semino, 2008) berdasarkan Prosedur Pengenalpastian Metafora (*Identification Metaphor Procedure*) (Pragglejaz, 2007) lebih dikenali sebagai MIP telah menjadikan leksikal sebagai fokus penting bagi menandakan kehadiran unit leksikal digunakan sebagai metafora. MUW menggunakan istilah *Expressions* (ekspresi) yang menunjukkan fokus kepada ungkapan atau kata-kata. Fenomena leksikal ini secara dasar dapat dilihat menerusi wacana, sama ada tulis atau lisan.

Terdapat perbandingan antara ekspresi metafora dalam bahasa (contohnya, kata nama 'battle' dalam 'a battle of metaphors') dan metafora konseptual (misalnya, ARGUMENT IS WAR). Perbandingan ini menjelaskan kedudukan unit leksikal yang berperanan sebagai MUW. Kajian sedemikian sering dilakukan terhadap wacana. Daripada wacana sarjana dapat menilai kehadiran leksikal yang berperanan sebagai metafora linguistik. Metafora dalam wacana atau naratif merupakan bentuk ekspresi (ungkapan) metafora yang terdapat dalam cerita atau teks berdasarkan leksikal yang dipakai (Hassan, 2016; Semino, 2008). Seiring dengan penggunaan teknologi, kebanyakan sarjana menjadikan data korpus sebagai medium pemerolehan data. Sinclair (1996) menyatakan korpus merupakan kumpulan cebisan bahasa atau teks lengkap yang dipilih serta disusun mengikut kriteria linguistik sebagai sampel bahasa. Linguistik Korpus memulakan langkah dipakai dalam bidang metafora linguistik dengan luas. Linguistik Korpus merupakan pendekatan relatif baharu untuk menganalisis metafora sejak kajian pertama pada tahun 1999 (Deignan, 1999a, 1999b). Di samping itu, metafora secara tradisinya diteliti dengan telaah manual dan memerlukan masa yang lama dengan jumlah data yang besar. Deignan (2005) menawarkan pendekatan terperinci terhadap analisis metafora, dengan penyesuaian dan bagaimana metafora linguistik ditandakan dengan trend penggunaan berulang. Trend penggunaan berulang ini merujuk kepada kekerapan leksikal dan kolokasi yang digunakan sebagai analisis statistik linguistik korpus (Brezina, 2018). Penggunaan statistik ini memudahkan penandaan unit leksikal yang digunakan secara metafora. Kolokasi terdiri daripada dua leksikal atau lebih mampu generalisasi semantik merentasi makna antara leksikal (Defanti, Grafton, Levy, Manovich & Rockwood, 2018).

Kesinambungan itu, Sardinha (2011) telah mengetengahkan beberapa hujah berdasarkan metafora dan linguistik korpus. Pertama, penggunaan metafora berpandukan pola leksikogrammatikal. Pola ini diteliti menerusi konkordans yang dijana WordSmith yang menunjukkan gambaran kata kunci dipakai dalam sampel. Namun, Fontaine (2017) mencadangkan pengujian kolokasi dilakukan bagi memperoleh unit leksikal secara tepat untuk mengenal pasti leksikal metafora (MUW). Keduanya, kebarangkalian metafora yang menunjukkan kemungkinan leksikal metafora berlaku. Menarik kebarangkalian ini, skala yang menunjukkan MUW pada peringkat tinggi, sederhana dan rendah. Akhir, Dimensi Variasi Metafora yang merupakan rumusan metafora berdasarkan variable yang digunakan untuk mengenal pasti metafora topik atau sarana. Hujah ini merupakan penyesuaian yang dilakukan seiring pemakaian pendekatan statistik korpus bersama pengenalpastian ekspresi metafora.

Oleh hal demikian, artikel ini telah menetapkan *tiga aspek utama*; iaitu, (1) mengenal pasti lesikogrammatikal metafora leksikal *ukuran*, yang merujuk kepada pola kolokasi metafora linguistik. Pola kolokasi ini menggunakan tiga pengujian iaitu t-skor, mi-skor dan *logDice* sebagai pengukur kekuatan kolokasi antara leksikal; (2) kebarangkalian metafora leksikal *ukuran*, yang muncul dari kekerapan node dan kolokasi leksikal. Dalam konteks ini dapat melihat kebarangkalian metafora yang berlaku antara leksikal; dan (3) Dimensi Variasi

Metafora leksikal *ukuran* yang dizahirkan berdasarkan capaian kebarangkalian diklasifikasikan berpandukan metafora topik dan sarana. Ketiga-tiga aspek ini disusun berdasarkan eksperimen statistik linguistik korpus yang mengamalkan prinsip *replicability* atau kebolehulangan (Brezina, 2018). Prinsip ini membawa kepada keperluan mendapatkan keputusan pengujian bagi melakukan pengujian selanjutnya. Hal ini menunjukkan bahawa kepentingan prosedur yang digunakan untuk melihat metafora secara statistik melalui linguistik korpus. Pemakaian istilah kebarangkalian metafora bukan menggambarkan ketepatan metafora sebaliknya kehadiran leksikal dalam kolokasi memungkinkan perkara tersebut sebagai leksikal metafora (MUW) (Harald Baayen & Lieber, 1996; Sardinha, 2011). Perkara ini dapat menunjukkan fenomena metafora berdasarkan statistik korpus melalui prosedur yang telah disesuaikan.

### MANUSKRIP : KORPUS PETUA MEMBINA RUMAH

Tradisi penulisan telah bermula di Tanah Melayu berabad yang lalu, bermula dengan tradisi lisan diikuti dengan tradisi tulisan setelah budaya kertas dibawa masuk oleh pengaruh Arab dan Cina (Nor Hashimah, 2013). Selain itu, teks klasik berperanan sebagai bekalan maklumat, mendidik dan menghiburkan secara umum (Ding Choo Ming, 2016). Teks manuskrip Melayu wajar diteliti sebagai sumber maklumat. Hal ini kerana, ruang lingkungannya luas dan meliputi pelbagai ilmu. Menurut Hernández-Campoy dan Conde-Silvestre (2012), bagi mengkaji masyarakat terdahulu, bahan utama dirujuk adalah manuskrip atau teks lama yang memerihalkan ketamadunan dahulu. Dalam kerancangan penyelidikan teks klasik seperti kajian Chen Bo (2018); Dubis (2002); Jecu (2018); Schroer (2019); Scott (2010); dan Sparling (2017) telah mengemukakan variasi dapatan. Kajian teks klasik sedemikian memberikan dapatan terhadap konsep ketamadunan (seperti falsafah kontemporari Cina; pengdigitalan; imej visual; hubungan kehidupan dan pemikiran; sistem perubatan penjara; dan rasuah) yang dianalisis menerusi bahasa, sosiobudaya, dan masyarakat. Daripada teks klasik juga mampu memberi galakan pendidikan moral dalam membentuk pemikiran pelajar (Ali, 2014; Furlong & Carroll, 1988; Pipkin, 2019). Namun, analisis kajian sebelum ini (seperti di atas), melakukan penelitian secara manual dengan pengamatan yang kompleks bagi menonjolkan dapatan yang kajian. Bagi artikel ini, perspektif kajian teks klasik dilakukan dengan menggunakan analisis berpandukan korpus dan pengenalanpastian ekspresi metafora.

Artikel ini menggunakan data kajian teks klasik Melayu iaitu Petua Membina Rumah. Sebanyak tujuh manuskrip dipilih berdasarkan judul Petua Membina Rumah iaitu MSS741, MSS1415, MSS1521, MSS1849, MSS2001, fasal Tajul Muluk dan fasal Kitab Abu Masyar. Lima (5) manuskrip yang dikodkan sebagai nombor manuskrip bagi Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia berdasarkan Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Pertama hingga Tambahan Kesepuluh. Kesemua manuskrip Koleksi Perpustakaan Negara menggunakan simbol MSS sebagai nombor manuskrip. Manuskrip ini mengandungi fasal-fasal berhubung dengan proses pra-pembinaan seperti penentuan tapak rumah, masa, adat, kepercayaan, agama, dan pelbagai ilmu mendirikan rumah (Al-Ahmadi, 2016). Teks ini ditulis dalam tulisan jawi serta mengandungi kata pinjaman bahasa Arab. Kajian ini menggunakan dokumen yang telah ditransliterasi dalam tulisan rumi. Kebanyakan teks manuskrip Melayu banyak ditulis dalam tulisan jawi kerana pengaruh agama dan dakwah banyak diaplikasikan dalam tradisi penulisan terdahulu (Yakob, 2018; Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin, & Zaharani Ahmad, 2012). Transliterasi dilakukan oleh Abdul Rahman Al-Hamdi merupakan Mualim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1997-1998. Kemudian, disimpan secara salinan lembut (*plain text*).

Korpus Petua Membina Rumah (KPMR) telah menghimpunkan sebanyak 14,854 *token*, 2027 *type* dan 13.67 nisbah *type/token*. Artikel ini menggunakan perisian #LancsBox 4.5 (Brezina, 2018). Manuskrip KPMR ini mempunyai token perkataan yang sederhana dan

nilai jenis leksikal (*type*) yang rendah akibat daripada pengaruh tradisi penulisan yang sentiasa berulang. Tetapi, terdapat variasi leksikal yang digunakan sekali berdasarkan 54% *hapaxes*. Berpandukan senarai kata, saringan dilakukan bagi menentukan senarai kata kandungan. Senarai kata kandungan adalah leksikal terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif (Chemla, Buccola & Dautriche, 2019). Signifikan Leksikal *ukuran* (kata nama) ini dipilih kerana leksikal ini merupakan antara 10 kata teratas. Leksikal ini mempunyai nilai kekerapan mentah 54 kali dan kekerapan relatif 36.865101. Tambahan lagi, kolokasi leksikal bersama node *ukuran* adalah 24 jenis leksikal. Kajian ini melihat keseluruhan korpus dan kolokasi yang berlaku berdasarkan node. Kolokasi leksikal yang tinggi dapat representatifkan bentuk ko-kejadian antara node dan leksikal (Weeber, Baayen & Vos, 2000). Pola kolokasi merupakan bentuk representatif penting bagi generik semantik antara leksikal terutama mengenal pasti metafora secara terperinci (Defanti et al., 2018). Hal ini diselarikan dengan fungsi kolokasi sebagai jaringan semantik (Stuart & Botella, 2009).

Kajian ini menggunakan pendekatan Semino (2008) iaitu Pengenalpastian Ekspresi Metafora (*Identification of Metaphorical Expressions (IME)*). Pendekatan ini dikemaskini oleh Semino, (2008), disesuaikan dengan Sardinha (2011) *Metaphor and Corpus Linguistics* dan Fontaine (2017) *Lexicogrammatical Metaphor*. Pendekatan ini digunakan bersama Statistik Linguistik Korpus (Brezina, 2018) bagi membantu penelitian representatif unit leksikal. Pendekatan statistik ini difokus kepada kolokasi sebagai sumber hubungan ko-kejadian antara unit leksikal. Dalam penyelidikan ini, kolokasi dianggap penting berperanan sebagai generalisasi semantik merentas unit leksikal dan metafora. Brezina menyatakan “*visualisation of collocation is a powerful interpretative technique suitable for the analysis of complex linguistic relationships in corpus data*” (Defanti et al., 2018). Teknik hubungan kolokasi digunakan bersama dengan teknik interpretasi yang lain seperti konkordans bagi kontekstual leksikal direpresentatif dalam bentuk graf jaringan kolokasi (Gablasova, Brezina, & Mcenery, 2017). Posisi leksikal yang dipaparkan dalam grafik membantu interpretasikan makna linguistik kolokasi dan menyediakan ringkasan yang berguna terhadap satu plot sintaksis (di mana kolokasi berlaku) (Brezina, McEnery & Wattam, 2015; Defanti et al., 2018).

Penelitian ini secara leksikal/klausa memberikan jawapan kepada konteks bahasa dan budaya, keperluan leksikal dan klausa sangat penting dalam memahami teks terutama teks klasik (Peng, 2017). Analisis terhadap leksikal mampu menjelaskan makna dalam teks klasik yang memiliki dua makna yang berbeza (Chambert-Loir, 2018). Dalam penelitian ekspresi metafora ini, keperluan melihat makna harfiah leksikal *ukuran* adalah penting. Hal ini dapat membezakan makna literal kepada non-literal bagi leksikal/klausa. Leksikal *ukuran* membawa makna teras sebagai alat yang digunakan untuk mengukur (sukat) (Noresah, 2013). Daripada makna harfiah ini, senario kehadiran kolokasi leksikal tersebut memberi ransangan terhadap konteks pemakaian node *ukuran* kepada leksikal metafora (MUW). Eksperimen leksikal metafora (MUW) ini disaring berdasarkan pendekatan statistik korpus dan kerangka Semino (2008) disesuaikan bersama Sardinha (2011) dan Fontaine (2017).

## METAFORA LEKSIKOGRAMMATIKAL

Penelitian terhadap teks manuskrip melalui KPMR dibuat bagi melihat kewujudan ekspresi metafora leksikal *ukuran* yang dianggap signifikan. Leksikal *ukuran* secara dasar membawa makna sukatan, namun berbeza perbentukan ditanda sebagai leksikal metafora (MUW). Sekilas, sarjana Melayu pernah menyatakan *ukuran* banyak digunakan secara metafora (bukan harfiah) (Shaharir, 2013). Ilmu ini dianggap penting kerana soal *ukuran* mampu menjelaskan dan menentukan saiz rumah yang akan di bina. Menurut Al-Ahmadi (2016), manuskrip banyak memerihalkan sistem *ukuran* sama ada secara tersirat dan tersurat. Tambah lagi, sistem *ukuran*

dalam manuskrip terdahulu menggunakan perlambangan dan signifikan kepada setiap makna yang disampaikan seterusnya dicatat (Shaharir & Affandi, 2019).

Metafora Leksikogrammatikal atau *Lexicogrammattical Metaphor* merupakan bentuk hubungan realistik semantik dimana kebergantungan metafora terhadap struktur tatabahasa (Halliday, 1985). Representatif kebergantungan metafora berdasarkan hubungan yang dibentuk dengan kehadiran kolokasi leksikal bersama node. Kehadiran kolokasi ini mengubah makna node asal dikodkan sebagai leksikal metafora (MUW). Mengubah makna dalam konteks kajian ini generik semantik berdasarkan dua atau lebih leksikal berkolokasi. Misalnya, hubungan kolokasi antara leksikal *time* dan leksikal *money*. Leksikal *money* tidak secara langsung mempunyai kolokasi bersama leksikal *time*, akan tetapi boleh dilihat hubungan kedua-dua leksikal melalui kesatuan bersama (*mutual associations*) seperti leksikal *spend*, *spent*, *saved*, *waste*, *lose* dan pelbagai lagi. Pemerhatian sedemikian boleh menjelaskan bukti kewujudan metafora konseptual *TIME IS MONEY* yang dicadangkan oleh Lakoff & Johnson (1980). Oleh hal demikian, representatif leksikogrammatikal metafora ini menggunakan kolokasi bagi menjelaskan bentuk leksikal metafora yang berlaku (seperti kajian Brezina, McEnery, & Wattam, 2015; Bruening, 2019; Fontaine, 2017; Gablasova, Brezina, & Mcenery, 2017; Stuart & Botella, 2009). Menerusi statistik linguistik korpus, Brezina (2018) telah menyediakan platform *GraphColl* dalam perisian #LancsBox 4.5 untuk merepresentatifkan kolokasi secara visualisasi. Secara tidak langsung, graf hubungan leksikal yang berkolokasi dengan node jelas ditunjukkan.

Kolokasi node *ukuran* paling tinggi dijelaskan menerusi Jadual 1, senarai kekerapan kolokasi ini direpresentatifkan dalam logDice yang dijana menerusi Statistik Linguistik Korpus (Brezina, 2018) untuk menilai kekuatan kolokasi antara dua leksikal di mana saiz korpus tidak menjejaskan pengiraan (Fontaine, 2017). Keperluan MI-skor melihat kepada maklumat bersama (*mutual information*) dengan penilaian statistik ko-kejadian dalam menentukan kekuatan kolokasi. Seterusnya, peranan T-skor menjadi satu kesahan dalam penilaian statistik kolokasi antara hubungan leksikal (Weisser, 2016). Oleh hal demikian, pengujian ini dilakukan bagi melihat hubungan leksikogrammatikal metafora yang merepresentatifkan signifikan kekerapan dalam eskripsi metafora leksikal *ukuran*. Hubungan antara leksikal ini menyumbang kepada leksikal metafora (MUW).

JADUAL 1. Kekerapan kolokasi untuk node *UKURAN* dalam KPMR

Kolokasi	Skor Statistik Kolokasi			
	Kekerapan	T-Skor	MI-Skor	logDice
<i>hasta</i>	10	-	7.078	11.321
<i>bendul</i>	27	-	6.493	11.830
<i>kasar</i>	15	-	6.493	11.213
<i>panjang</i>	23	-	6.361	11.540
<i>namanya</i>	33	3.123	6.355	11.878
<i>itu</i>	20	5.294	6.341	11.375
<i>adapun</i>	34	-	5.990	11.540
<i>ambil</i>	36	-	5.493	11.093
<i>menyatakan</i>	49	-	5.270	11.120
<i>fasal</i>	38	-	5.152	10.798
<i>maha</i>	46	-	4.876	10.678
<i>tiang</i>	123	3.332	4.720	11.117
<i>juga</i>	63	-	4.685	10.714
<i>dengan</i>	78	-	4.377	10.540
<i>lagi</i>	104	-	4.185	10.540
<i>yang</i>	200	3.250	4.019	10.596
<i>maka</i>	276	3.609	3.876	10.540
<i>rumah</i>	354	4.058	3.858	10.575
<i>alamat</i>	149	-	3.666	10.142



kolokasi *siputkan tiang itu dan panjang* yang menjelaskan soal node *ukuran*. Seterusnya, leksikal *tapang* digunakan ko-kejadian leksikal *ukuran-bendul-tapang-tiang*. Leksikal *tapang* ini merupakan kata nama tumbuhan seperti medang sampang, mempelam rimba dan lain-lain. Frasa *tapang tiang* merujuk kepada jenis kayu yang digunakan sebagai tiang. Manakala frasa *kaki cermin* banyak digunakan dalam metafora literal Melayu seperti kaki botol, kaki bola dan kaki bukit (Hassan, 2016). Menerusi frasa ini memerihalkan struktur anggota badan manusia *kaki* dirujuk bahagian bawah *cermin* sebagai *kaki cermin*. Walaupun isi konseptual tidak begitu abstrak, namun, jenisnya tetap metafora. Metafora ini diklasifikasikan sebagai metafora literal (*literal metaphor*) (Lakoff & Johnson, 1980).

Berdasarkan sampel KWIC ini terdapat dua leksikogrammatikal metafora dikenalpasti iaitu "*siputkan tiang itu dan panjang*" dan "*ukuran bendul itu tapang tiang atas kaki cermin*". Dua bentuk leksikogrammatikal metafora ini merujuk kepada konsep *ukuran* yang terdapat dalam KPMR. Bagi leksikogrammatikal metafora yang menonjolkan leksikal metafora dikodkan sebagai bukan literal atau non-literal (Pragglejaz, 2007; Sardinha, 2011; Semino, 2008). Kekuatan pembentukan leksikogrammatikal metafora terutama metafora Melayu adalah penglibatan aktiviti atau persekitaran semula jadi dikodkan bersama ungkapan ini. Sebagai contoh, unsur alam sekitar melalui leksikal *siputkan* (asal siput) dan *tapang tiang* (asal medang sampang). Hal ini menjawab kepada leksikal yang digunakan membentuk metafora. Di samping itu, *ukuran* dalam masyarakat Melayu lebih bersifat infiniti (tidak terhingga kuatiti) yang tidak boleh capai oleh akal manusia literal (Shaharir, 2000). Kenyataan ini merujuk kepada bentuk leksikal yang digunakan dalam kolokasi leksikal dan node *ukuran*. Bentuk *ukuran* yang dikodkan sebagai metafora hanya difahami oleh masyarakat ketika itu yang hidup bersama pemikiran mereka. Sampel ini dikodkan sebagai bukan literal kerana menunjukkan kehadiran leksikal mempengaruhi leksikogrammatikal metafora. Hubungan leksikal metafora  $[[siputkan] + [tiang] + [panjang] + [ukuran] + [bendul] + [tapang] + [tiang] + [kaki] + [cermin]]$  menunjukkan bahawa kolokasi ini telah merepresentatifkan leksikogrammatikal metafora. Rasionalnya, representatif leksikal metafora ini dapat membantu dalam menyampaikan makna metafora berdasarkan hubungan leksikal. Gabungan leksikal ini membentuk ekspresi metafora dalam teks klasik. Secara tidak langsung dapat melihat penggunaan istilah seperti leksikal/frasa *siputkan*, *tapang tiang* digunakan dalam teks klasik. Ekspresi metafora ini dapat dilihat berdasarkan leksikogrammatikal metafora melalui pengujian kolokasi leksikal bersama node. Representatif ini menunjukkan jaringan semula jadi bahasa sebagai proses bahasa tabii dalam bidang alam bina.

## KEBARANGKALIAN METAFORA

Pola leksikal metafora berlaku dalam bahasa dengan kebarangkalian metafora (*metaphor probabilities*) tertentu. Kebarangkalian metafora ini merupakan bentuk statistik yang **memungkinkan** kejadian leksikal metafora (MUW) berlaku dalam teks bertulis dan teks lisan. Kajian mengenai kebarangkalian metafora kurang dijalankan, walaupun pengujian ini dianggap penting bagi menjangka kemunculan metafora terutama dalam teks bertulis. Pelbagai teori (seperti Teori Metafora Konseptual, Teori Percampuran Metafora dll) menekankan bahawa metafora adalah ciri linguistik yang kerap berlaku. Fenomena ini berlaku kepada semua penutur bahasa. Penutur menggunakan metafora untuk menyatakan pelbagai makna. Metafora mengandungi makna yang luas, dan sering menyumbang sebahagian besar leksikal dalam korpus (Storlie, Giegerich, Stoner-Harris, & Byrd, 2018). Data bahasa ini menunjukkan betapa metafora banyak muncul (Norberg & Fältholm, 2018). Oleh hal demikian, Kovecses (2018), melakukan kajian menggunakan data korpus telah memperoleh dapatan leksikal yang mengekspresikan metafora MARAH, KEANGKUHAN dan CINTA. Secara tidak langsung, dapatan ini menonjolkan bahawa kebarangkalian penggunaan metafora digunakan dalam

variasi leksikal. Bagi pengesahan tersebut, sarjana perlu melihat kebarangkalian menggunakan metafora dalam linguistik korpus. Hal ini dapat memberikan satu paradigma leksikal metafora (MUW) disaring dalam data kekerapan leksikal.

Makalah ini melihat kebarangkalian metafora yang terdapat dalam KPMR. Berdasarkan jumlah bilangan perkataan keseluruhan (*token*) adalah 14,854 perkataan dinormalisasikan kepada per 1000 patah perkataan dengan mendapat hasil 13.67 per 1000 patah perkataan yang dijana dengan menggunakan perisian #LancsBox4.5. Berpaksakan daripada leksikal *ukuran* sebanyak 0.36% bersamaan 360 per 1000 patah perkataan. Leksikal Metafora *ukuran* signifikan muncul dalam KPMR berbanding korpus rujukan 1juta (berita harian). Makalah ini menggunakan tiga cara berbeza bagi mengira kebarangkalian metafora. Pertama, kesemua leksikal metafora (MUW) leksikal *ukuran* dibahagikan kepada semua token perkataan korpus kajian. Hal ini menjawab persoalan mengenai kata kunci yang digunakan terhadap MUW.

$$0.36 \text{ MUW token} / 13.67 \text{ token corpus KPMR} = 0.02(2\%)$$

Kebarangkalian menunjukkan bahawa sebahagian kecil kata-kata dalam KPMR adalah 2% leksikal metafora (MUW). Kemungkinan nisbah *token* perkataan yang menjadi leksikal metafora (MUW) adalah 1:20 (Sardinha, 2011). Perkataan harfiah menjadi status keutamaan untuk kata-kata yang terdapat dalam KPMR bagi membandingkan MUW. Keduanya, semua MUW token dibahagikan kepada jumlah kekerapan (sama ada metafora atau bukan metafora) dalam KPMR. Hal ini menunjukkan jawapan kepada persoalan MUW dalam memilih makna;

$$0.36 \text{ MU token} / 2027 \text{ kekerapan semua MUW} = 0.17 (17\%)$$

Dapatan ini menunjukkan 17% Leksikal Metafora (MUW) kurang cenderung digunakan semula secara metafora dalam KMPR. Kesemua perkataan dalam KMPR, digunakan dalam membentuk makna metafora kurang kerap daripada leksikal lain (digunakan secara harfiah). Metafora kurang representatif dalam MUW. Ketiganya, kekerapan dalam korpus rujukan yang mengandungi kesemua MUW terdapat dalam KPMR dibahagikan kepada kekerapan jumlah keseluruhan metafora dan bukan metafora dalam korpus rujukan. Hal ini dapat menjawab bagaimana MUW dalam KPMR sebagai metafora yang berlaku dalam bahasa Melayu secara umum;

$$17.15 \text{ MUW token} / 45.04 \text{ kekerapan semua jenis MUW (standard)} = 0.38 (38\%)$$

Ini menunjukkan bahawa 38% leksikal metafora (MUW) dalam KPMR cenderung menjadi leksikal metafora (MUW) dalam bahasa Melayu secara umum, walaupun tahap yang lebih rendah. Oleh hal demikian, Jadual 2 hingga Jadual 4 menunjukkan leksikal yang signifikan sebagai MUW berdasarkan 3 tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kesesuaian tahap ini berdasarkan nilai kebarangkalian metafora yang muncul menjadi MUW bersama leksikal *ukuran*. Kebarangkalian ini menjelaskan MUW menyumbang kepada pembentukan metafora secara bersama node *ukuran* dan leksikal berkolokasi dengannya. Jadual 2 menunjukkan perkataan yang signifikan tinggi sebagai MUW.

JADUAL 2. Representatif signifikan tinggi sebagai MUW

Kata	MUW Kebarangkalian KPMR (%)	Konkordans	Leksikal Metafora (MUW)
Tiang	0.06	maka curi ambil sebelah ibu itu tengah dua batang <i>tiang</i> , dan adapun ukuran panjang <i>tiang</i> serambi	maka curi ambil sebelah ibu itu tengah dua batang <u>tiang</u> , dan adapun <b>ukuran</b> panjang <u>tiang</u> serambi
Naga	0.01	Kedelapan ukuran <i>naga</i> keperabuan namanya alamat rumah itu luput daripada percintaan dan tiada sampai marabahaya dan tiada sampai dengki khianat bencana orang padanya	<b>ukuran</b> <u>naga</u> <u>keperabuan</u> namanya alamat rumah itu luput daripada percintaan dan tiada sampai marabahaya dan tiada sampai dengki khianat bencana orang padanya
Panjang	0.01	ukuran <i>panjang</i> tumpu kasar ibu itu pandaknya setapan lebat tunjuk langit	<b>ukuran</b> <u>panjang</u> <u>tumpu kasar</u> ibu itu <u>pandaknya</u> <u>setapan lebat</u> <u>tunjuk langit</u>
Bendul	0.01	sebermula pada menyatakan ukuran <i>bendul</i> rumah padi itu sembilan hasta di dalamnya dan <i>bendul</i> pandaknya itu enam hasta dalamnya dan ukuran bendul rumah jelapang itu <i>bendul</i> panjang sepuluh hasta tangan panjangnya itu dan ukuran <i>bendul</i> pandaknya enam hasta dalamnya juga panjangnya itu dan lagi pula ukuran <i>bendul</i> baluh itu tiga belas hasta sejengkal panjangnya dan ukuran <i>bendul</i> pandaknya itu tujuh hasta di dalamnya itu halnya perbuatan tukang zaman dahulu kala mengikut sampai kepada ini tempat	<b>ukuran</b> <u>bendul</u> <u>rumah padi</u> <u>itu</u> <u>sembilan</u> <u>hasta</u> <u>di</u> <u>dalamnya</u> <b>ukuran</b> <u>bendul</u> <u>rumah</u> <u>jelapang</u> <u>itu</u> <u>bendul</u> <u>panjang</u> <u>sepuluh</u> <u>hasta</u> <u>tangan</u> <u>panjangnya</u> <u>itu</u> <b>ukuran</b> <u>bendul</u> <u>baluh</u> <u>itu</u> <u>tiga</u> <u>belas</u> <u>hasta</u> <u>sejengkal</u> <u>panjangnya</u> <b>ukuran</b> <u>bendul</u> <u>pandaknya</u> <u>itu</u> <u>tujuh</u> <u>hasta</u> <u>di</u> <u>dalamnya</u> <u>itu</u>
Rasuk	0.01	maka ambil ukuran <i>rasuk</i> rumah itu sekat tanda hati tiang itu belah bawah tapak selebar rasuk rumah padi itu maka curi bawah tiga rasuk rumah padi itu harkat dan berkat oleh selamat kebajikan orang itu tiada berputusan selamatnya	<b>ukuran</b> <u>rasuk</u> <u>rumah</u> <u>itu</u> <u>sekat</u> <u>tanda</u> <u>hati</u> <u>tiang</u> <u>itu</u>

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan perkataan yang berkolokasi dengan node *ukuran* direpresentatifikasikan sebagai leksikal metafora (MUW) dengan nilai kebarangkalian metafora tinggi. Kebarangkalian metafora ini berlaku dalam lingkungan 0.06 hingga 0.01. Representatif ini dianggap tinggi kerana kedudukan arasnya melebihi signifikan 0.01 ke atas. Leksikal tiang memungkinkan sebagai MUW dengan nilai kebarangkalian 0.06. Hal ini kerana Konkordans menunjukkan bahawa leksikal tiang digunakan secara signifikan bersama node *ukuran*.

Konkordans : “maka curi ambil sebelah ibu itu tengah dua batang *tiang*, dan adapun **ukuran** panjang *tiang* serambi”

Kod : 0.06 Leksikal Metafora (MUW)

Node ukuran mempunyai hubungan ko-kejadian bersama leksikal tiang yang representatifikasikan sebagai MUW. Frasa *dua batang tiang* dan *ukuran panjang tiang serambi* menunjukkan hubungan node ukuran yang membawa leksikal tiang berkolokasi membentuk metafora. Ketepatan dalam nilai ukuran tersebut masih menjadi persoalan, namun kebarangkalian metafora yang bersifat asbtrak mampu menjelaskan sukatan terhadap node

*ukuran* yang digunakan. Hal yang sama turut berlaku terhadap leksikal naga. Leksikal naga mempunyai nilai kebarangkalian signifikan 0.01 (sama seperti panjang, bendul dan rasuk). Secara harfiah, konkordans menerangkan nama ukuran sebaliknya analogi pemakaian frasa *ukuran naga keperabuan* menonjolkan peranan leksikal *naga* sebagai MUW.

Konkordans : “*ukuran naga keperabuan namanya alamat rumah itu luput daripada percintaan dan tiada sampai marabahaya dan tiada sampai dengki khianat bencana orang padanya*”  
 Kod : 0.01 Leksikal Metafora (MUW)

Berdasarkan konkordans ini, terdapat baris analogi yang ditandai dengan leksikal alamat. Hal menunjukkan bahawa makna metafora yang digunakan berdasarkan frasa *ukuran naga keperabuan*. Perkara ini memberikan makna bukan harfiah kepada frasa tersebut. Leksikal naga dikodkan sebagai MUW. Oleh hal demikian, leksikal *tiang, naga, panjang, bendul* dan *rasuk* berperanan dalam kebarangkalian metafora dengan berfungsi sebagai MUW mengikut nilai signifikan yang telah diuji. Berikut merupakan Jadual 3, perkataan yang representasi sederhana sebagai leksikal metafora (MUW).

JADUAL 3. Representatif sederhana sebagai MUW

Kata	MUW Kebarangkalian KPMR	Konkordans	Leksikal Metafora (MUW)
Tunjuk langit	0.006	Ukuran <i>tunjuk langit</i> ambil tempat kaki cermin	<b>Ukuran <u>tunjuk langit</u></b> ambil tempat kaki cermin
Anjung/anjing	0.006	Keempat sempit ukuran (anjung kekurangan) namanya alamat orang di dalam rumah itu perkelahian lagi kematian dan kepapan.	sempit <b>ukuran (anjung</b> kekurangan) namanya alamat orang di dalam rumah itu perkelahian lagi kematian dan kepapan.
Singa	0.005	Ketiga ukuran Singa sempurna namanya maha kebajikan bertambah-tambah rahmat dan selamat diberi Allah Taa'la	<b>ukuran <u>Singa</u></b> sempurna sempurna namanya maha kebajikan bertambah-tambah rahmat dan selamat diberi Allah Taa'la
Ular	0.004	Kesepuluh ukuran <i>ular cintamani</i> namanya terlalu baik utamanya bertambah-tambah kebajikan dan jenuh sekadak dan beroleh lagi kebesaran dan kekayaan hamba sahaya sampailah seperti serapada orang tuha-tuha beroleh hamba tiada berbayar dan beroleh harta tiada dicari sekaliannya ada datang sendiri selamat sempurna sejuk dingin dipeliharakan Allah Ta'ala akan dia.	<b>ukuran <u>ular</u></b> <i>cintamani</i> namanya terlalu baik utamanya bertambah-tambah kebajikan dan jenuh sekadak dan beroleh lagi kebesaran dan kekayaan hamba sahaya sampailah seperti serapada orang tuha-tuha beroleh hamba tiada berbayar dan beroleh harta tiada dicari sekaliannya ada datang sendiri selamat sempurna sejuk dingin dipeliharakan Allah Ta'ala akan dia.
luas	0.003	adapun ukuran <i>luas</i> rumah yang berseluran dua beranak kelang itu sebelas hasta enam jari itu pun tilik oleh tukangnyanya juga halnya	<b>ukuran <u>luas</u></b> rumah yang berseluran dua beranak kelang itu sebelas hasta enam jari itu pun tilik oleh tukangnyanya juga halnya
Harimau	0.003	Ketujuh ukuran ( <i>harimau</i> pahlawan) namanya alamat tuan empunya rumah itu ditakuti oleh orang sekalian dan adalah seterusnya itu pun malu dan sopan jika jadi anak di dalam rumah itu alamat jadi hulubalang atau pendeta lagi diamankan Allah Ta'ala.	<b>ukuran (harimau</b> pahlawan) namanya alamat tuan empunya rumah itu ditakuti oleh orang sekalian dan adalah seterusnya itu pun malu dan sopan jika jadi anak di dalam rumah itu alamat jadi hulubalang atau pendeta lagi diamankan Allah Ta'ala.

Kuda	0.003	Kelima ukuran ( <i>kuda</i> ketinggian) namanya alamat sukacita maka kebajikan orang di dalam rumah inaya-Allah Ta'ala.	<b>ukuran</b> ( <i>kuda</i> ketinggian) namanya alamat sukacita maka kebajikan orang di dalam rumah inaya-Allah Ta'ala.
Neraca	0.002	Kesembilan ukuran ( <i>neraca</i> timbangan) alamat maha sempurna kebajikan agama menjadi orang tuhan daripada sama sekampung itu orang sekalian pun menurut katanya dan beroleh harta maha banyak dengan hamba sehayah itu sukacita Insyah-Allah Ta'ala.	<b>ukuran</b> ( <i>neraca</i> timbangan) alamat maha sempurna kebajikan agama menjadi orang tuhan daripada sama sekampung itu orang sekalian pun menurut katanya dan beroleh harta maha banyak dengan hamba sehayah itu sukacita Insyah-Allah Ta'ala.
Tampu	0.002	ukuran <i>tampu</i> kasar itu luasnya uting-uting turunkan ke kepala benurnya pandak bendulnya dua jari	<b>ukuran</b> <i>tampu</i> kasar itu luasnya uting-uting turunkan ke kepala benurnya pandak bendulnya dua jari
Kakat/gagak	0.002	Keenam ukuran ( <i>kakat</i> kepiatuan) namanya terlalu maha nahas setelah terdiri tiang rumah itu maka tuan yang empunya rumah itu pun matilah Wallahua'lam dengan hukum Allah jua dan rumah itu pun tiada sudah-sudah bekal menaruh kedukaan selama-lamanya.	<b>ukuran</b> ( <i>kakat</i> kepiatuan) namanya terlalu maha nahas setelah terdiri tiang rumah itu maka tuan yang empunya rumah itu pun matilah Wallahua'lam dengan hukum Allah jua dan rumah itu pun tiada sudah-sudah bekal menaruh kedukaan selama-lamanya.

Berdasarkan Jadual 3, menunjukkan representatif leksikal dengan nilai sederhana sebagai leksikal metafora (MUW). Terdapat 10 leksikal berkolokasi dengan node *ukuran* ditandakan sebagai leksikal metafora (MUW). Antara leksikal yang terlibat adalah *tunjuk langit*, *anjung/anjing*, *singa*, *ular*, *luas*, *harimau*, *kuda*, *neraca*, *tampu*, dan *kakat/gagak*. Kebanyakan leksikal kolokasi yang ko-kejadian node *ukuran* merupakan leksikal kata kandungan. MUW yang dominan bersama node *ukuran* menjurus kepada leksikal nama haiwan, objek dan tumbuhan. Seperti leksikal metafora *ular* "...**ukuran** *ular* *cintamani*..." dan leksikal metafora *neraca* "...**ukuran** (*neraca* *timbangan*)...". Hal ini menunjukkan bahawa kebarangkalian metafora berlaku pada aras sederhana dengan nilai 0.006 hingga 0.002 banyak memerikan leksikal metafora (MUW).

Konkordans : "Keempat sempit **ukuran** (*anjung* *kekurangan*) namanya alamat orang di dalam rumah itu perkelahian lagi kematian dan kepapan"  
Kod : 0.006 Leksikal Metafora

Berdasarkan konkordans ini menunjukkan leksikal *anjung/anjing* dikodkan sebagai leksikal metafora. Leksikal ini berkolokasi bersama node *ukuran*. Kebarangkalian metafora berlaku terhadap leksikal *anjung/anjing* adalah 0.006. Dalam konkordans ini juga ditandai dengan leksikal alamat sebagai analogi kepada frasa *ukuran anjung kekurangan*. Hal ini dapat menjelaskan pontensi kebarangkalian leksikal *anjung/anjing* sebagai leksikal yang digunakan metafora adalah sederhana berpandukan nilai signifikan 0.006. Hal ini memungkinkan leksikal sebagai sebagai leksikal metafora (MUW). Perkara yang sama turut berlaku dalam leksikal *ular*, *neraca*, *singa*, *kuda* dan variasi yang sama ditandai dengan analogi. Hujah analogi merupakan salah satu fitur pembentukan metafora seperti yang diulas oleh Hassan (2016).

JADUAL 4. Representatif rendah sebagai MUW

Kata	MUW Kebarangkalian KPMR	Konkordans	Leksikal Metafora (MWU)
Tunggal	0.0007	ukurannya yang pertama-tamanya ukuran <i>tunggal</i> ke tunggakan namanya alamat maha sukacita di dalam rumah itu padahnya akan tertentu atau tunggal.	<b>ukuran <u>tunggal</u></b> ke tunggakan
Menyimpat/ menyipat	0.0007	menyatakan ukuran <i>menyimpat</i> tiang hendak tarahnya maka tegakkan kaki cermin hingga di dalamnya tenggelam jari manis	<b>ukuran <u>menyimpat</u></b> tiang

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4 menunjukkan representatif leksikal rendah sebagai leksikal metafora (MUW). Pada aras ini nilai kebarangkalian metafora adalah 0.0007 dengan mengemukakan dua leksikal kolokasi. Antara leksikal yang terlibat, leksikal kolokasi *tunggal* dan leksikal *menyimpat/menyipat*. Leksikal kolokasi ini dikodkan sebagai leksikal metafora berdasarkan ko-kejadian node ukuran dengan leksikal tunggal dan leksikal menyimpat/menyipat. Hal ini merupakan representatif yang sederhana tetapi leksikal yang digunakan adalah leksikal metafora. Penggunaan leksikal tunggal dalam konkordans menunjukkan bahawa bentuk ekspresi metafora digunakan melalui ungkapan “...**ukuran tunggal ke tunggakan..**”. Hal yang sama juga berlaku dalam leksikal kolokasi menyimpat/menyipat yang digunakan dalam konkordans “...**ukuran menyimpat tiang..**”. Leksikal kolokasi tunggal merupakan kata adjektif membawa makna sendirian atau satu. Manakala leksikal kolokasi menyimpat adalah perbuatan mengikat menggunakan hasil tumbuhan pokok *simpat/sipat*. Leksikal ini mengalami perubahan kata nama kepada kata kerja leksikal *menyimpat/menyipat*. Secara khususnya, senarai kolokasi kata ini menyumbang kepada leksikal metafora (MUW) *ukuran* yang memerihalkan masa, laras, objek dan kejujuran. Leksikal Metafora (MUW) ini ditonjolkan dalam KPMR. Penemuan leksikal metafora (MUW) ini, kurang direpresentasi dalam pola pembentukan metafora yang terdapat dalam KPMR. Hal ini disebabkan kemunculan metafora ini bersifat minima dan disampaikan atas tujuan pemikiran sarjana terdahulu serta pengaruh budaya dan tatacara penulisan gambaran alam. Perbandingan menggunakan korpus rujukan memperlihatkan metafora dalam KPMR kurang direpresentasi dalam bahasa umum. Menurut Hernández-Campoy & Conde-Silvestre (2012), terdapat perbandingan kata yang digunakan dalam manuskrip terdahulu kerana perbezaan tatacara kehidupan dan pandangan hidup membawa kepada perubahan kata yang dipakai. Pola pembentukan metafora secara naratif menunjukkan analogi dibentuk berdasarkan sebab-akibat yang memiliki makna dua lapis.

### DIMENSI VARIASI METAFORA

Penggunaan bahasa pada aras permulaan boleh dipertimbangkan secara sistematik melalui dimensi variasi. Konsep ini diperkenalkan oleh Biber (1985; 1988) untuk merujuk kepada parameter variasi yang didasari oleh setiap dimensi. Perkara ini mewakili pelbagai ciri linguistik bersama (semantik). Selain itu, terdapat satu kaedah untuk mengenal pasti dimensi ini. Kaedah tersebut dinamakan sebagai Analisis Variasi Multidimensi (*Multi-Dimensional Analysis of Variation (MDA)*). Analisis Variasi Multidimensi ini digunakan bersama pendekatan berpandukan linguistik korpus untuk mengenal pasti pola linguistik. Pola linguistik yang diselarikan ialah komponen semantik (Xiao, 2009). Komponen semantik yang digunakan berdasarkan variable metafora, iaitu topik dan sarana.

Berdasarkan Jadual 5, merupakan korpus mengikut register iaitu manuskrip dan berita. Korpus Pertua Membina Rumah (KPMR) menggunakan register manuskrip Melayu yang mengandungi perkataan-perkataan bertulisan jawi, kata pinjaman bahasa Arab yang menonjolkan penyebaran agama waktu itu. Manuskrip ini tidak dapat ditentukan tarikh atau masa yang tepat kerana tiada catatan tarikh yang dipamerkan pada helaian manuskrip. Kebanyakan manuskrip ini bertulisan tangan dengan penggunaan jawi secara menyeluruh.

JADUAL 5. Variasi metafora dalam korpus berdasarkan MDA

Bil	Register	Token	Type	TTR/1000
1	Manuskrip	14,853	2,023	13.64
2	Berita	1,106,490	26,466	2.57

Jumlah perkataan keseluruhan KPMR adalah rendah iaitu 14,853 dengan kata yang berbeza sebanyak 2,023. Hal ini jauh berbeza dengan korpus rujukan 1 juta Berita Harian yang memiliki jumlah perkataan (*token*) yang tinggi iaitu 1,106,490 dengan kata yang berbeza (*type*) 26,466 perkataan. Apabila proses normalisasi dilakukan jumlah perkataan tidak dilihat tetapi jumlah nisbah *Type/Token* (TTR) diambil kira dengan jumlah KPMR lebih tinggi berbanding korpus 1 juta Berita Harian iaitu 2.57. Oleh itu, metafora yang dibentuk berdasarkan perkataan dianggap kecil dan boleh mengikut nisbah 1:20 bagi setiap perkataan yang diwakili (Sardinha, 2011).

Seterusnya kod metafora, makalah ini menggunakan variable metafora berdasarkan Topik dan Sarana. Terdapat lapan (8) variable metafora topik dan sarana diklasifikasikan sebagai kod metafora (Sardinha, 2011). Metafora sebagai Topik merujuk kepada perkara yang **dirujuk** kepada metafora, manakala Sarana ialah perkara yang **digunakan** sebagai metafora. Misalnya, "*Fiz amigos*" = "*I made friend*" leksikal *friend* dikodkan sebagai metafora topik : manusia; selain itu "*Elevadas taxas*" = "*high taxes*" leksikal *high* dikodkan sebagai metafora sarana: pergerakan/kedudukan (Sardinha, 2011). Berikut merupakan variabel metafora yang terdapat dalam KPMR;

JADUAL 6. Variabel Metafora KPMR

Variabel	contoh/konkordans
1) Ketumpatan Metafora ( <i>Metafora Density</i> )	<i>jenis metafora yang digunakan/jumlah token dalam teks</i>
2) Metafora topik : manusia	<i>ini ukuran tuanku tanah fatani yang keramat pertama bilangan asu dan lembu dan anjing dan kuda dan katak dan harimau dan naga iidah neraca dan ular citamani maka ukurkan pada tiang rumah seperti ukuran yang sepuluh dahulu itu yang terdahulu sebutnya.</i>
3) Metafora topik : sosial	<i>fasal ini pada menyatakan ukuran kita hendak membuat rumah maka kita ambil depa perempuan yang empunya rumah itu dua depa maka lipat tiga</i>
4) Metafora topik : abstrak	<i>ketujuh ukuran harimau pahlawan namanya alamat tuan empunya rumah itü ditakuti oleh orang sekalian dan adalah seterusnya itü pun malu dan sopan jika jadi anak di dalam rumah itü alamat jadi hulubalang atau pendeta lagi diamankan allah ta'ala</i>  <i>keseperuluh ukuran ular cintamani namanya terlalu baik utamanya bertambah-tambah kebajikan dan jenuh sekadak dan beroleh lagi kebesaran dan kekayaan hamba sahaya sampailah seperti serapada orang tuha-tuha beroleh hamba tiada berbayar dan beroleh harta tiada dicari sekaliannya ada datang sediri selamat sempurna sejuk dingin dipelihara allah ta'ala akan dia.</i>
5) Metafora sarana : pergerakan/kedudukan	<i>ukuran panjang tumpu kasar ibu itü pandaknya setapan lebat tunjuk langit</i>

---

		<i>adapun ukuran <u>luas</u> rumah yang berseluran dua beranak kelang itu sebelas hasta enam jari itu pun tilik oleh tukangnyanya juga halnya</i>
6)	Metafora sarana: objek/bangunan	<i>kesembilan ukuran <u>neraca timbangan</u> alamat maha sempurna kebajikan agama menjadi orang tuhan daripada sama sekampung itii orang sekalian pun menurut katanya dan beroleh harta maha banyak dengan hamba sahaya itii sukacita insya-allah ta'ala.</i>
		<i>maka ambil ukuran <u>rasuk rumah</u> itu sekat tanda hati tiang itu belah bawah tapak selebar rasuk rumah padi itu maka curi bawah tiga rasuk rumah padi itu harkat dan berkat oleh selamat kebajikan orang itu tiada berputusan selamatnya.</i>
7)	Metafora sarana : lain-lain	<i>Maka inilah ukurannya yang pertama-tamanya ukuran <u>tunggal</u> ke tunggakan namanya alamat maha sukacita di dalam rumah itii padahnya akan tertentu atau tunggal.</i>
8)	Kata sarana : kata kerja	<i>menyatakan ukuran <u>menyimpat tiang</u> hendak tarahnya maka tegakkan kaki cermin hingga di dalamnya tenggelam jari manis</i>

---

Pertama, ketumpatan metafora (*metaphor density*) berfungsi menjelaskan jenis metafora yang digunakan berdasarkan leksikogrammatikal metafora dan kebarangkalian metafora. Seterusnya, metafora topik (manusia) kurang digunakan dalam metafora, penggunaan *TuanKu Tanah Fatani* bagi menggambarkan metafora ukuran membawa kepada penemuan nama ukuran yang merangkumi unsur haiwan seperti ular, singa dan lain-lain. Penggunaan kata nama khas iaitu gelaran kerabat diraja yang berfungsi sebagai pemerintah atau pemilik utama negeri (kawasan jajahan). Metafora ini direpresentasi dengan parameter kecil sahaja tidak mempengaruhi penyampaian keseluruhan teks. Di samping itu, ekspresi haiwan digunakan sebagai metafora bagi melihat perbandingan budaya dan bahasa masyarakat (Lixia & Eng, 2012). Konsep metafora ukuran haiwan ini merujuk kepada takwim atau horoskop Cina yang banyak digunakan oleh bangsa-bangsa di Asia (Al-Ahmadi, 2016). Di samping itu, ukuran berorientasikan haiwan mungkin dapat dihubungkan dengan takwim Islam seperti terdapat dalam sebuah manuskrip lama yang menyebut antaranya;

- 1) *Tarikh hijrah 1282 tahun b sama dengan pelanduk*
- 2) *Tarikh hijrah 1283 tahun wau sama denga ular besar*
- 3) *Tarikh hijrah 1284 tahun dal sama dengan ular sawa*
- 4) *Tarikh hijrah 1285 tahun alif sama dengan kuda*

Terdapat beberapa lagi tahun yang disamakan dengan haiwan, seperti haiwan kambing, kera, ayam, anjing, tikus, lembu, harimau, dan pelanduk (Al-Ahmadi, 2016). Penggunaan unsur haiwan ini membentuk analogi melalui metafora ukuran yang dicatatkan dalam KPMR. Menurut Kloppmann-lambert (2018), dalam metafora yang menggunakan unsur manusia jarang digunakan bagi menggambarkan fenomena seni bina atau bangunan kerana peranan manusia lebih ditonjolkan dengan representasi perubahan trend seni bina.

Metafora topik – sosial yang dipamerkan dalam KPMR menjelaskan proses sosial iaitu rumah yang menjadi fokus kehidupan masyarakat Melayu iaitu kawasan kediaman. Metafora topik –sosial ini dikodkan berdasarkan kehadiran leksikal metafora *perempuan*. Metafora *depa perempuan yang empunya rumah itu dua depa maka lipat tiga* ini menjelaskan frasa membina rumah memerlukan jantina wanita/perempuan dewasa rumah tersebut sebagai parameter ukuran rumah. Kenapa jantina dan kediaman mempunyai hubung kait? Hal ini disebabkan majoriti penghuni wanita/perempuan yang mendiami kawasan rumah secara menyeluruh dan membentuk aktiviti tersendiri (Aziz, Md. Jahi, Arifin, & Ujang, 2014). Peranan wanita dalam institusi keluarga sangat mempengaruhi tanggungjawab sebagai suri rumah dan penyelesaian dalam kediaman akan memberi galakan untuk menyelesaikan tanggungjawab (Siti Nur Husna,

Mohd Izhar Ariff, & Muhammad Adnan, 2017). Keselesaian diberikan terhadap ukuran perempuan bagi mendirikan rumah.

Unsur metafora kebanyakan bersifat abstrak yang memberikan gambaran tidak jelas terhadap makna yang ingin disampaikan. Metafora topik-abstrak dalam KPMR ini banyak memberikan satu pandangan terhadap masa dan sifat yang mewakili setiap perkara yang membentuk metafora. Seperti metafora topik- abstrak; *ukuran singa pahlawan* dan *ular cintamani*. Menurut Al-Ahmadi (2016), kebanyakan teks Melayu lama terutama teks pertua ini menggunakan kalender cina sebagai panduan masa di samping terdapat kalender tahun Islam sebagai panduan pepadanan masa tersebut. Nilai yang difokuskan bagi singa adalah kehormatan dan keberanian, manakala ular adalah kebajikan serta kekayaan (Al-Ahmadi, 2016). Oleh itu, nilai metafora yang dipancarkan bersifat positif seterusnya memberi impak positif dalam mendirikan rumah. Secara literalnya, keupayaan dan meminimumkan kekangan masa yang menggunakan unsur haiwan memberi jaminan terhadap semangat pembinaan rumah.

Setelah metafora topik-manusia-sosial-abstrak, metafora yang digunakan bagi membentuk metafora sebagai dirujuk. Bagi metafora sarana- pergerakan/ kedudukan yang memerihalkan soal frasa penggunaan menentukan unsur kedudukan atau pergerakan. Namun dalam KPMR ini memfokuskan kepada kedudukan (saiz) iaitu panjang dan luas. Panjang dan luas ruang dihuraikan dalam manuskrip ini merujuk kepada pengukuran. Sebagai contoh panjang tumpu kasar yang diukur sama dengan tunjuk langit. Terdapat dua makna iaitu secara harfiah ukuran tumpu kasar (sejenis tumbuhan) disamakan dengan tunjuk langit dan keduanya, perbandingan panjang (horizontal) dan tinggi (vertikal) ukuran yang perlu disamakan. Seterusnya, metafora bagi luas yang diukur berpandukan kuantiti kepadatan rumah dengan melihat bilangan tersebut melahirkan ukuran tertentu oleh tukang rumah. Saiz sesebuah rumah ditentukan berdasarkan jumlah penghuni secara menyeluruh selain mengikut harga bahan yang ditawarkan kepada pembeli (Delzende, Wu, Lee & Zhou, 2017).

Seterusnya metafora sarana - objek/bangunan, antara yang menjadi tumpuan adalah leksikal metafora *neraca* dan *rasuk* (struktur rumah Melayu tradisional). Penggunaan leksikal *neraca* dalam metafora ini lebih bersifat kebajikan dengan hadirnya leksikal *timbangan* selepas *neraca*. Hal ini merujuk kepada objek neraca ini bertindak sebagai perkara yang baik serta memberi kesan positif kepada penghuni kediaman. Manakala, rasuk sebagai struktur bangunan yang utama dan digunakan dalam mendirikan rumah. Apabila ukuran dibuat dengan baik (rasuk) akan memberikan nilai kesempurnaan dan kebajikan terhadap penghuni. Hal ini kerana rasuk memiliki peranan penting menjadi alat pemindahan beban terhadap bangunan (*load movement*) (Aziz et al., 2014). Jika ukuran rasuk tidak disesuaikan dengan signifikan rumah Melayu maka memberi kesan kepada struktur rumah tersebut.

Metafora sarana - lain-lain yang digunakan adalah leksikal metafora *tunggal* yang terdapat dalam KPMR. Leksikal *tunggal* ini merujuk kepada tiada yang lain dan bersifat kebulatan (pemikiran). Konteks konkordans tersebut merujuk kepada situasi apabila ukuran *tunggal ke tunggakan* digunakan maka nasib atau sesuatu perkara yang akan berlaku akan terjadi bersifat satu sahaja. Tiada nasib atau kesan yang lain memberi impak kepada ukuran tersebut. Nasib yang terjadi bersifat baik dan tidak mempengaruhi penghuni. *Tunggal ke tunggakan* ini bersifat tegak dan kukuh memberi penjelasan terhadap struktur rumah yang perlu utuh dalam pembinaan. Sebarang pengaliran beban perlu dialirkan dengan baik tanpa memberi kesan terhadap rumah yang didirikan.

Manakala kata sarana - kata kerja yang terlibat dalam penggunaan metafora adalah menyimpat / menyipat. Merupakan perbuatan pengikat dan leksikal akarnya adalah sipat (sejenis tumbuhan). Penggunaan metafora berdasarkan pengalaman dan pemerhatian alam sekeliling membentuk satu kata metafora yang berasaskan tumbuhan digunakan dalam kata kerja. Hal ini telah mencerminkan pemikiran Melayu yang mementingkan persekitaran dalam

membentuk perkataan. Kebanyakan leksikal yang bersumberkan alam diberikan nafas perubahan kata untuk mempelbagaikan variasi leksikal mengikut laras sesuatu perkara. Berdasarkan konsep ukuran yang digambarkan sebagai metafora ini banyak dirakam menerusi teks klasik atau manuskrip lama. Konsep ukuran daripada metafora bersifat infiniti dan hanya diketahui sukatan berdasarkan masyarakat terdahulu (Shaharir, 2000, 2013; Shaharir & Affandi, 2019). Masyarakat Melayu mengkonsepkan sesuatu perkara dengan pendidikan alam sekeliling dan pengalaman (Ding Choo Ming, 2016; Nor Hashimah, 2013).

## KESIMPULAN

Berdasarkan tiga analisis metafora ini, satu dapatan serta kewajaran dapat dirungkaikan dengan berpada. Pertama, leksikogrammatikal metafora yang menunjukkan pola kolokasi yang melibatkan leksikal sebagai leksikal metafora. Leksikogrammatikal metafora memberi dapatan pengujian t-skor, mi-skor dan logDice sebagai pengukur leksikal yang berkolokasi dengan node ukuran secara signifikan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pola leksikogrammatikal metafora memberikan pandangan terhadap hubungan ko-kejadian leksikal mampu menghasilkan bentuk leksikal metafora. Keduanya, kebarangkalian metafora merupakan pengujian terhadap leksikal yang memungkinkan leksikal kolokasi sebagai leksikal metafora (MUW). Terdapat tiga tahap leksikal yang representatif signifikan secara tinggi, sederhana dan rendah. Hal ini menunjukkan bahawa kebarangkalian metafora mempunyai pontensi menjadi leksikal metafora (MUW) dalam lingkungan nilai signifikan sederhana secara menyeluruh iaitu 17%. Bagi statistik penggunaan perkataan dalam metafora pula menunjukkan pola metafora yang terdapat dalam KPMR yang menghasilkan kebarangkalian 1:20 bagi metafora yang terdapat dalam bahasa umum hasil daripada perbandingan KPMR dan korpus rujukan berita harian. Ketiganya, Dimensi Variasi Metafora yang menunjukkan kepelbagaian leksikal metafora diklasifikasikan sebagai metafora mengikut topik dan sarana. Variasi ini membantu dapatan metafora ukuran dalam menyampaikan setiap semantik pada peringkat pola metafora yang digunakan secara empirikal. Terdapat lapan (8) variabel yang digunakan bagi merujuk dan digunakan dalam metafora ukuran ini dari segi topik dan sarana. Penggunaan kaedah statistik dan konkordans membantu dalam menterjemahkan dimensi variasi metafora yang terdapat dalam KPMR. Kupasan ini memberi penilaian terhadap keseluruhan konteks kepenggunaan ayat tersebut. Penggunaan dalam KPMR masih signifikan dan memberi galakan terhadap sarjana untuk mencari gali segala ilmu Melayu terdahulu secara empirikal dan berteknologi. Dalam masa yang sama, proses melestarikan ekspresi metafora Melayu dapat dipadukan dengan kewujudan leksikal metafora lahir daripada teks klasik Melayu. Prinsip *replicability* atau kebolehulangan menunjukkan keupayaan eksperimen bahasa membahaskan representatif leksikal sebagai metafora dalam pembentukannya.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS / 1/2018 / WAB04 / UPSI / 02/5) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diketuai oleh Prof. Madya Dr. Anida Sarudin.

## RUJUKAN

- Al-Ahmadi, A. R. (2016). *Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi* (Third). Kuala Lumpur: Pepustakaan Negara Malaysia.
- Ali, T. (2014). Money as metaphor. *On the Horizon*. 22(4), 297–307. <https://doi.org/10.1108/OTH-08-2014-0030>

- Aziz, N. F., Md. Jahi, J., Arifin, K. & Ujang, A. (2014). Pengaruh adat resam, kepercayaan dan kebudayaan terhadap pembinaan rumah Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 2(2), 105–111.
- Biber, D. (1985). Investigating macroscopic textual variation through multifeature/multidimensional analyses. *Linguistics*. 23(2), 337–360. <https://doi.org/10.1515/ling.1985.23.2.337>
- Biber, D. (1988). *Variation Across Speech And Writing* (First). New York: Cambridge University Press.
- Brezina, V. (2018). *Statistics In Corpus Linguistics*. Cambridge University Press (First). <https://doi.org/10.1017/9781316410899>
- Brezina, V., McEnery, T. & Wattam, S. (2015). Collocations in context: A new perspective on collocation networks. *International Journal of Corpus Linguistics*. 20(2), 139–173. <https://doi.org/10.1075/ijcl.20.2.01bre>
- Bruening, B. (2019). Idioms, collocations, and structure. *Natural Language & Linguistic Theory*. 38, 365–424. <https://doi.org/10.1007/s11049-019-09451-0>
- Chambert-Loir, H. (2018). On two uses of the particle pun in classical Malay. *Indonesia and the Malay World*. 46(135), 154–167. <https://doi.org/10.1080/13639811.2018.1452700>
- Chemla, E., Buccola, B. & Dautriche, I. (2019). Connecting content and logical words. *Journal of Semantics*. 36(3), 531–547. <https://doi.org/10.1093/jos/ffz001>
- Chen Bo. (2018). Two different approaches to philosophy a critical reflection on contemporary Chinese philosophy. *Asian Philosophy*. 28(3), 197–214. <https://doi.org/10.1080/09552367.2018.1513583>
- Defanti, T., Grafton, A., Levy, T. E., Manovich, L. & Rockwood, A. (2018). *Lexical Collocation Analysis; Advances And Application* (First). Cham: Springer Nature Switzerland AG.
- Deignan, A. (1999a). Linguistic Metaphors and Collocation in Nonliterary Corpus Data. *Metaphor and Symbol*. 14(1), 19–36. <https://doi.org/10.1207/s15327868ms1401>
- Deignan, A. (1999b). Metaphorical polysemy and paradigmatic relations: A corpus study. *Word*. 50(3), 319–338. <https://doi.org/10.1080/00437956.1999.11432491>
- Deignan, A. (2005). *Metaphor And Corpus Linguistics* (First). Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Delzendeh, E., Wu, S., Lee, A. & Zhou, Y. (2017). The impact of occupants' behaviours on building energy analysis: A research review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*. 80(September 2016), 1061–1071. <https://doi.org/10.1016/j.rser.2017.05.264>
- Ding Choo Ming. (2016). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu* (Four). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Dubis, M. (2002). The digital library of classic protestant texts. *Journal of Religious and Theological Information*. 5(3–4), 3–6. [https://doi.org/10.1300/J112v05n03\\_02](https://doi.org/10.1300/J112v05n03_02)
- Fontaine, L. (2017). The early semantics of the neologism BREXIT: a lexicogrammatical approach. *Functional Linguistics*. 4(1). <https://doi.org/10.1186/s40554-017-0040-x>
- Furlong, J. J. & Carroll, W. J. (1988). Teaching moral reasoning with classic texts. *Educational Forum*. 52(4), 363–371. <https://doi.org/10.1080/00131728809335505>
- Gablasova, D., Brezina, V. & Mcenery, T. (2017). Collocations in corpus-based language learning research : Identifying , comparing , and interpreting the evidence. *A Journal of Research in Language Studies*. 67(1), 155–179. <https://doi.org/10.1111/lang.12225>
- Halliday, M. A. K. (1985). *An Introduction To Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Harald Baayen, R. & Lieber, R. (1996). Word frequency distributions and lexical semantics. *Language Resources and Evaluation*. 30(4), 281–291.
- Hassan, A. (2016). *Bahasa Dan Pemikiran Melayu* (First). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hernández-Campoy, J. M. & Conde-Silvestre, J. C. (2012). *The Handbook Of Historical Sociolinguistics* (First). United Kingdom: Blackwell Publishing Ltd.
- Jecu, M. (2018). The inertia of the visible: Idris Khan's writing images. *Journal of Visual Art Practice*. 17(2–3), 160–172. <https://doi.org/10.1080/14702029.2018.1466454>
- Kloppmann-lambert, C. (2018, March). Specialised aspects of architectural discourse : Metaphors in the British magazine The Architectural Review. *Groupe d'étude et de Recherche En Anglais de Spécialité*. (March 2019), 25–51. <https://doi.org/10.4000/asp.5111>
- Kovecses, Z. (2018). *Metaphors Of Anger , Pride And Love A Lexical Approach To The Structure Of Concepts* (H. Parret & J. Verschueren, Eds.). Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). Conceptual metaphor in everyday language. *The Journal of Philosophy*. 77, 453–486. <https://doi.org/10.2307/2025464>
- Lixia, W. & Eng, W. B. (2012). A corpus-based study on snake metaphors in mandarin Chinese and British English. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 311–324.
- Muhamad Fadzllah Zaini & Nor Hashimah, J. (2019). Struktur Seni Bina Melayu “Tangga” dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12(1), 1–26.
- Nor Hashimah, J. (2013). *Perihal Keintelektualan Dan Kepengarangan Dalam Teks Tradisional* (First). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Nor Hashimah, J., Anida, S. & Zaharani, A. (2012). Perluasan makna alim: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(2), 457–473.
- Norberg, C. & Fältholm, Y. (2018). “Learn to blend in!”: A corpus-based analysis of the representation of women in mining. Equality, Diversity and Inclusion. *An International Journal*. 37(7), 698–712. <https://doi.org/10.1108/edi-12-2017-0270>
- Noresah, B. (Ed.). (2013). *Kamus Dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peng, X. (2017). “(Text as) wording” as wording in text size: Stretching lexicogrammatical rank hierarchy from clause to text. *Word*. 63(2), 136–172. <https://doi.org/10.1080/00437956.2017.1309030>
- Pipkin, C. L. (2019). Love Without Measure : Proverb problems in the lais of marie de france. *Neophilologus*. 103, 307–321. <https://doi.org/10.1007/s11061-019-09597-7>
- Pragglejaz. (2007). MIP: a method for identifying metaphorically used words in discourse. *Metaphor and Symbol*. 22(1), 1–39.
- Sardinha, T. B. (2011). Metaphor and corpus linguistics. *Metaphor and Symbol*. 22(2), 329–360. <https://doi.org/10.1080/10926480701235494>
- Schroer, S. A. (2019). Jakob von uexküll: the concept of umwelt and its potentials for an anthropology beyond the human. *Ethnos*. 1–21. <https://doi.org/10.1080/00141844.2019.1606841>
- Scott, D. (2010). Classic text revisited: medical power in prisons . *Criminal Justice Matters*. 79(1), 46–48. <https://doi.org/10.1080/09627250903570096>
- Semino, E. (2008). *Metaphor In Discourse*. Cambridge University Press (First). <https://doi.org/10.1017/cbo9780511896316.017>
- Shaharir, M. Z. (2000). Angka Melayu sebelum kedatangan islam. *Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society*. 23(2), 187–220.
- Shaharir, M. Z. (2013). *Istilah Dan Konsep Pengukuran Tradisional Alam Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shaharir, M. Z. & Affandi, M. Z. Z. (2019). Sistem angka perpuluhan yang diketahui tertua di dunia : Angka Malayonesia. *Journal of Science and Mathematics Letters*. 7, 52–65.
- Sinclair, J. M. (1996). *How to use corpora in language teaching*. John Benjamins Publishing Company (First). <https://doi.org/10.1017/s0272263106270050>

- Siti Nur Husna, A. R., Mohd Izhar Ariff, M. K. & Muhammad Adnan, P. (2017). Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: perbincangan dari perspektif islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 12(3), 1–16.
- Sparling, R. (2017). The concept of corruption in J.G.A. Pocock's the machiavellian moment. *History of European Ideas*. 43(2), 156–170. <https://doi.org/10.1080/01916599.2016.1198074>
- Storlie, C. A., Giegerich, V., Stoner-Harris, T. & Byrd, J. (2018). Conceptual metaphors in internship: creative journeys in counselor development. *Journal of Creativity in Mental Health*. 13(3), 331–343. <https://doi.org/10.1080/15401383.2018.1439790>
- Stuart, K. & Botella, A. (2009). Corpus linguistics, network analysis and co-occurrence matrices. *International Journal of English Studies*. (Special Issue), 1–28.
- Weeber, M., Baayen, R. H. & Vos, R. (2000). Extracting the lowest-frequency words: Pitfalls and possibilities. *Computational Linguistics*. 26(3). <https://doi.org/10.1162/089120100561719>
- Weisser, M. (2016). *Practical Corpus Linguistics An Introduction To Corpus-Based Language Analysis* (First). United Kingdom: Wiley Blackwell.
- Xiao, R. (2009). Multidimensional analysis and the study of world Englishes. *World Englishes*. 28(4), 421–450. <https://doi.org/10.1111/j.1467-971X.2009.01606.x>
- Yakob, M. A. (2018). *Keintelektualan Melayu Dalam Manuskrip Dan Kitab Jawi* (First). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PENULIS

Muhamad Fadzllah Zaini, merupakan calon Doktor Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu. Beliau sedang menjalankan kajian mengenai hubungan leksikal dan metafora dalam manuskrip Melayu seni bina di bawah geran FRGS (FRGS / 1/2018 / WAB04 / UPSI / 02/5) . Bidang pengkhususan Linguistik Korpus, Linguistik Berkomputer, dan Semantik.

Anida Sarudin (Ph.D), Prof. Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang pengkhususan ialah, Semantik , Wacana dan Korpus. Penulis aktif penulisan jurnal dan buku ilmiah. Antara karyanya ialah Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab Melayu (DBP), dan Linguistik dan Manfaat dalam Pendidikan Bahasa Melayu(Penerbit UPSI).

Mazura Mastura Muhammad (Ph.D), Prof. Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang pengkhususan ialah Linguistik Terapan, Linguistik Korpus dan penyelidikan dasar. Dalam tempoh lima (5) ini beliau telah menerima pelbagai dana penyelidikan swasta dan antarabangsa.

Siti Saniah Abu Bakar (Ph.D), Prof. Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang pengkhususan bidang retorik dan sosiopragmatik serta turut menjalankan penyelidikan dan penulisan tentang bahasa Melayu untuk penutur asing.